

Mampukah UKM kejutkan JDT II?

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Kapten UKM FC, Asnan Ahmad mahu rakan sepasukan berusaha keras mendapatkan jaringan di tempat lawan dalam *final* pertama Piala Cabaran 2019 menentang JDT II, esok.

Jelasnya, aksi *final* pertama di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang itu cukup penting untuk memastikan UKM FC membawa pulang bekalan selesa bagi aksi timbal balik di laman sendiri pada 12 Oktober ini.

Jika dilihat perlawanan akhir musim lalu menentang Terengganu FC II, mereka terikat 2-2 sebelum akhirnya gagal meledak sebarang gol pada *final* kedua di Stadium Sultan Ismail Nasirud-



PEMAIN UKM FC memburu keputusan positif apabila menentang JDT II di Pasir Gudang malam ini. - GAMBAR MFL

din Shah, sekali gus memberi kemenangan kepada skuad Pantai Timur itu.

Justeru, pemain berusia 26 ta-

hun itu menyifatkan jumlah gol di tempat lawan cukup penting untuk menghadirkan tekanan lebih awal kepada lawan seperti-

mana musim lalu sewaktu mereka menundukkan lawan sama di aksi separuh akhir.

"Kami harus fokus kepada kelebihan sendiri dan menggunakannya dengan baik untuk menguasai perlawanan malam esok.

"Pastinya, gol di tempat lawan amat penting dan kami perlu gunakan apa sahaja peluang yang ada untuk jaringan seberapa banyak gol.

"Ini kali kedua UKM FC mara ke *final* dan mahu atau tidak, kami semua kena memberikan lebih daripada 100 peratus usaha untuk mengatasi JDT II yang rata-ratanya mempunyai ramai pemain lebih berkualiti," jelasnya.

Pemain pertahanan JDT II,

PIALA CABARAN

JADUAL

AKHIR PERTAMA

HARI INI

JDT II dan UKM FC

(Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang)

AKHIR KEDUA

12 OKTOBER

UKM FC dan JDT II

(Stadium Sultan Ismail Nasirudin)

(Majlis Perbandaran Pasir Gudang)

Muhammad Adib Zainudin enggan ambil mudah keghairahan skuad kendalian Sulaiman Husain selaku finalis musim lalu untuk merebut Piala Cabaran kali ini.